

Ruj. Kami : MQA.100-1/7/1 Jld. 2 (19)

Tarikh : 17 Julai 2019

KEPADA PUSAT PENILAIAN APEL (PPA)

Tuan/Puan,

PEKELILING MQA BIL. 8/2019

CAJ PERKHIDMATAN BERHUBUNG PERMOHONAN RAYUAN CALON APEL YANG TIDAK MELEPASI SARINGAN PUSAT PENILAIAN APEL (PPA) BAGI KEMASUKAN KE PROGRAM PERINGKAT SARJANA TAHAP 7 (APEL T-7) MQF

Dengan hormatnya saya merujuk kepada perkara di atas.

2. Untuk makluman, bermula 2018, Agensi Kelayakan Malaysia (Malaysian Qualifications Agency, MQA) telah menerima sejumlah permohonan rayuan daripada calon *Accreditation of Prior Experiential Learning* (APEL) yang tidak berjaya melepasi saringan yang dikendalikan oleh Pusat Penilaian APEL (PPA) bagi kemasukan ke program peringkat Sarjana Tahap 7 (APEL T-7) Kerangka Kelayakan Malaysia (Malaysian Qualifications Framework, MQF).

3. Merujuk kepada Seksyen 7(2)(e) Akta Agensi Kelayakan Malaysia (MQA) 2007 [Akta 679], MQA boleh mengenakan fi atau apa-apa caj lain yang disifatkannya patut bagi perkhidmatan yang dilaksanakan. Sehubungan dengan itu, MQA telah menetapkan caj perkhidmatan yang bersesuaian berhubung permohonan rayuan oleh calon APEL. Ini adalah berdasarkan kepada proses kerja yang perlu dilaksanakan dalam menilai kelayakan berlandaskan prinsip kesetaraan kelayakan.

4. Caj perkhidmatan berhubung permohonan rayuan calon APEL bagi kemasukan ke program peringkat Sarjana Tahap 7 (APEL T-7) MQF kepada MQA adalah sebanyak **RM100.00 bagi setiap permohonan individu dan berkuat kuasa mulai 01 Ogos 2019**.

5. Permohonan rayuan calon APEL perlu dikemukakan bersekali dengan caj perkhidmatan sebanyak RM100.00 dan **salinan dokumen yang telah disahkan** (certified true copy) seperti berikut:

- (i) Keputusan tidak melepasi saringan oleh PPA;
- (ii) MyKad (bahagian hadapan dan belakang atas kertas putih bersaiz A4);
- (iii) Resume (biodata diri); dan
- (iv) Sijil Tinggi Persekolahan Malaysia (STPM); atau

(v) Diploma (skrol dan transkrip penuh).

6. Salinan dokumen hendaklah disahkan oleh Pegawai Kerajaan Kumpulan A/ Pengetua/ Guru Besar/ Guru Penolong Kanan/ Wakil Rakyat/ Penggawa/ Penghulu/ Ketua Kampung/ Pengerusi JKKK (Jawatankuasa Kemajuan dan Keselamatan Kampung)/ Ketua Kaum/ Ketua Anak Negeri/ Pesuruhjaya Sumpah. Cop pegawai atau saksi hendaklah mempunyai nama dan jawatan pegawai serta jabatan atau alamat di mana pegawai bertugas.

7. MQA akan memaklumkan keputusan permohonan rayuan melalui e-mel kepada calon APEL yang memohon dan PPA supaya PPA dapat terus mengatur jadual Ujian *Aptitude* kepada calon yang berjaya.


8. Pihak MQA berharap agar semua PPA mengambil maklum mengenai kadar caj perkhidmatan yang ditetapkan bagi memastikan proses permohonan rayuan dapat dilaksanakan dengan lancar.

9. Tatacara permohonan berkaitan penilaian dan Takwim Mesyuarat Saringan APEL MQA boleh dirujuk di portal MQA, www.mqa.gov.my.

Sekian, terima kasih.

“BERKHIDMAT UNTUK NEGARA”

Saya yang menjalankan amanah,



(DATO' DR. RAHMAH BINTI MOHAMED)

E-mel: rahmah@mqa.gov.my

s.k.:

1. YBrs. Dr. Andy Liew Teik Kooi
Pendaftar dan Pengarah
Direktorat Jaminan Kualiti
Wawasan Open University
54, Jalan Sultan Ahmad Shah
10050 PULAU PINANG

2. YBrs. Dr. Mohamad Afzhan Khan Bin Mohamad Khalil
Pengarah
APEL Centre
Open University Malaysia
Jalan Tun Ismail
50480 KUALA LUMPUR

3. YBrs. Dr. Amirul Faiz Bin Osman
Ketua Unit APEL
Program Kerjasama & Diploma Eksekutif
Pusat Pendidikan Profesional & Lanjutan (Pace)
Universiti Utara Malaysia
06010 SINTOK, KEDAH

4. YBrs. Dr. Hazilah Binti Mad Kaidi
Pusat Penilaian APEL UTM
Bangunan BATC
Universiti Teknologi Malaysia Kuala Lumpur (UTM KL)
Jalan Sultan Yahya Petra
54100 KUALA LUMPUR

5. YBrs. Dr. Hamidah Binti Mohd Ismail
Ketua Unit APEL
Institut Pendidikan Neo (iNED)
Aras 2, UiTM-MTDC Technopreneur Centre
Universiti Teknologi MARA (UiTM)
40450 SHAH ALAM, SELANGOR